

21 MAY 2002
MAHATHIR-FTA/I
MALAYSIA KAJI KESAN FTA

Oleh: Siti Hawa Othman

TOKYO, 21 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata perjanjian perdagangan bebas (FTA) antara negara-negara adalah satu perkara yang perlukan kajian teliti kerana ia boleh menyebabkan perjanjian-perjanjian serantau menjadi tidak berkesan.

Perdana Menteri berkata sekiranya anggota-anggota kawasan perdagangan bebas mempunyai FTA dengan banyak negara lain, akhirnya dan secara praktikal seluruh dunia akan mempunyai FTA.

"Maka seluruh idea mempunyai perjanjian perdagangan serantau akan menjadi tidak berkesan kerana seluruh dunia menjadi kawasan perdagangan bebas," katanya pada sesi soal jawab selepas menyampaikan ucap tama mengenai "China - Satu Cabaran atau Peluang bagi Asean" di Persidangan Antarabangsa Ke-8 Nikkei di sini hari ini.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia tidak menyertai sebarang FTA.

Beliau menegaskan bahawa sebelum sesebuah negara menjadi rakan perdagangan bebas sebuah negara di luar rantau ini, hendaklah terlebih dahulu ada kajian sama ada FTA harus antara sebuah negara di satu kumpulan serantau dan negara-negara di luar kumpulan itu.

"Kami (Malaysia) memerhatikan apa yang akan berlaku (kepada FTA) di antara Singapura dan Jepun, Singapura dan New Zealand dan Singapura dan Amerika Syarikat hingga sama ada ia akan menjejaskan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) atau tidak," katanya.

Kepada soalan-soalan sama ada terdapat ketidak stabilan di China dalam menerima pakai sistem perdagangan bebas dunia, katanya apabila China memutuskan untuk menyertai seluruh dunia, ia tidak mahu mengubah semuanya tetapi memilih untuk menghual hanya sistem ekonominya dengan menerima sistem ekonomi yang lebih bebas daripada seluruh dunia.

Bagaimanapun, ia mengekalkan sistem politiknya yang membolehkan China terus stabil, kata Dr Mahathir.

"Sekiranya China cuba mengubah kedua-dua sistem ekonomi dan politik, maka apa yang telah berlaku kepada Russia juga akan berlaku kepada China," tambah beliau.

Dalam hal ini, katanya China adalah lebih bijak kerana telah memerhatikan apa yang berlaku kepada Russia dan mengekalkan sistem politiknya.

Kepada satu soalan mengenai pentingnya hak harta intelek, katanya ia adalah penting kepada orang yang telah mereka cipta dan menginovasi sesuatu dengan nilai pasaran yang lebih tinggi.

Bagaimanapun, katanya terdapat juga keperluan untuk menimbangkan keperluan sesetengah orang, misal, dalam hal ubat-ubatan, di mana rakyat daripada negara-negara miskin, tidak mampu membeli ubat-ubatan yang mahal bagi rawatan penyakit seperti AIDS (Sindrom Kekurangan Daya Tahan Penyakit).

Pada waktu yang sama, katanya kos perisian yang mahal juga telah menyebabkan kecenderungan bagi orang untuk meniru.

Malaysia telah mencuba membendung aktiviti itu tetapi adalah terlalu sukar untuk menyekat pengedaran perisian haram.

Akibatnya, hendaklah ada sedikit tolak ansur bagi orang yang mengeluarkan perisian atau ubat-ubatan supaya menurunkan kos tetapi pada masa yang sama mengekalkan keuntungan yang munasabah.

"Dengan itu, terdapat keperluan untuk mendapatkan kerjasama pengeluar-pengeluar supaya mengurangkan harga memandangkan pelanggaran ke

atas hak harta intelek telah menjejaskan setiap negara." -- BERNAMA
SHO MR SHY OS